


# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 12



**BALAKRISHNAN** menunjukkan Akta Jalan, Longkang dan Bangunan 1974 serta gambar sebuah pusat tahfiz yang tidak mempunyai pelan keselamatan.

## Gesa PBT laksana pemeriksaan berkala

**Butterworth:** Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Pulau Pinang mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) menguatkuasakan undang-undang secara lebih tegas mengikut akta dan peraturan sedia ada terhadap bangunan atau premis yang beroperasi secara haram khususnya membabitkan institusi pendidikan.

Susulan kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur, Khamis lalu, MTUC berpendapat PBT di seluruh negara wajib membuat pemeriksaan secara berkala terhadap semua bangunan di negeri masing-masing terutama asra-

ma atau tempat penginapan.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan MTUC negeri N Balakrishnan berkata, langkah itu perlu bagi mengelak tragedi sama berulang, apatah lagi sudah banyak laporan berita mendedahkan kebanyakan bangunan yang antaranya digunakan untuk pendidikan agama tidak mempunyai sijil kelayakan menduduki.

"Kami tidak mengkritik kejadian yang baharu berlaku itu, tetapi timbul tanda tanya mengenai perihal keselamatan bangunan hingga memerlukan PBT perlu mengambil langkah proaktif untuk mengatasinya," katanya.